

KOMBEEK NS



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE - 98



**LAPORAN
TAHUNAN
2023**

26 SEPTEMBER 2024

09.00 PAGI - PENDAFTARAN

IBU PEJABAT KOMBEEK

NO.41 TINGKAT ATAS

TAMAN BUKTI

70400 SEREMBAN

HUBUNGI

06-671 5100 / 06-679 1151

www.facebook.com/kombekns


VISI

Menjadi koperasi terbaik di Negeri Sembilan menjelang 2026

MISI

- Meningkatkan **prestasi kewangan** melalui strategi perniagaan yang menguntungkan
- Meningkatkan **sosio-ekonomi anggota** dan koperasi melalui aktiviti ekonomi yang berimpak
- Meningkatkan jumlah anggota dan mewujudkan **hubungan strategik** dikalangan anggota dan bukan anggota menjalankan aktiviti perniagaan
- Meningkatkan amalan terbaik **tadbir urus** koperasi berdasarkan prinsip dan falsafah koperasi melalui aplikasi sistem yang bersepadu
- Mempertingkatkan pertumbuhan lain-lain **portfolio perniagaan** melalui strategi jangka pendek, sederhana dan panjang.

Menjadi koperasi terbaik di Negeri Sembilan menjelang 2026



ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka surat
1.	Perutusan Pengerusi	4
2.	Barisan Anggota Lembaga	25
3.	Barisan Juru Audit	27
4.	Firma-Firma Koperasi	5
5.	Senarai Biro-Biro	6
6.	Senarai Perwakilan	7
7.	Etika Mesyuarat Agung	8 - 12
8.	Agenda Mesyuarat	13 - 14

PERUTUSAN Pengerusi



Tuan Haji Mohd Shah bin L.Latif

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam 100 TAHUN KOMBEK, dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur Alhamdulillah, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam suasana yang penuh harmoni dan ceria untuk menjayakan Mesyuarat Agung Koperasi kali yang ke 98 pada tahun ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para perwakilan koperasi telah meluangkan masa untuk hadir pada hari yang berbahagia ini.

Sesungguhnya, kehadiran tuan/puan semua mencerminkan komitmen dan sokongan padu terhadap agenda gerakan koperasi KOMBEK. Saya percaya, dengan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, kita akan dapat mencapai matlamat yang telah kita rancang.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan yang telah bekerja keras bagi memastikan segala persiapan berjalan dengan lancar.

Akhir kata, saya berharap agar Mesyuarat Agung kali ini berlangsung dengan jayanya. Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan selamat bersidang.

selamat bersidang.

Haji Mohd Shah Bin L. Latif

Pengerusi

FIRMA – FIRMA KOPERASI

AUDITOR KOPERASI

**Mustapha Koo & Co
No. 24, 1st Floor, Jalan Campbell,
Seremban, 70000 Seremban,
Negeri Sembilan**

PEGUAM KOPERASI

**Tetuan Nor Affiza
23-1, Jalan S2 D 39
City Centre, Seremban
70300 Seremban
Negeri Sembilan**

**Tetuan Zaidi & Co
No. 446-1, Jalan Bandar Senawang 18
Pusat Bandar Senawang
70450 Seremban
Negeri Sembilan**

BANK KOPERASI

**Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad
Maybank Berhad
Bank Simpanan Nasional
Bank CIMB**

JAWATANKUASA BIRO

TAHUN 2023 / 2024

BIRO PENTADBIRAN, KEWANGAN & PERUNDANGAN

Pengerusi : Tuan Haji Mohd Shah Bin L.Latif
Setiausaha : Tuan Haji Maradzi Bin Ismail, DNS,AMN,ANS,PPN,PMC,PJK
Bendahari : Encik Zulkiflee Bin Arop
Pengurus : Encik Khairul Azhar Bin Mohd Nur

BIRO AR-RAHNU

Pengerusi : Puan Hajah Hamidah Binti Mohd Arif
Setiausaha : Puan Siti Zelaha Binti Mohammad
Jawatankuasa : Puan Hajah Siti Rohayu bin Haji Jaafar
Jawatankuasa : Puan Rusmawati Binti Hazali

BIRO PERLADANGAN

Pengerusi : YM Tengku Hasan Bin Tengku Adzim
Setiausaha : Tuan Haji Ebni Hajal Bin Ramli
Jawatankuasa : Tuan Haji Abidin Bin Samah
Jawatankuasa : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim

BIRO HARTANAH & BANGUNAN

Pengerusi : Tuan Haji Anuar Bin Kasim
Setiausaha : Puan Norbaiti Binti Haji Alias
Jawatankuasa : Tuan Haji Shahman Bin Sulaiman
Jawatankuasa : Encik Muhamad Baddri bin Ahmad

BIRO LATIHAN, KEANGGOTAAN & KEBAJIKAN

Pengerusi : Encik Muhammad Amir Bin Abdullah
Setiausaha : Puan Ruzyanah Bin Mohd Yasin
Jawatankuasa : Mohd Ayaz bin Ibrahim
Jawatankuasa : Encik Mohd Zakuan bin Mohd Yusof

BIRO PENGURUSAN RISIKO, INTEGRITI & PENGURUSAN KREDIT

Pengerusi : Tuan Haji Abidin bin Samah
Setiausaha : Tuan Haji Fauzi bin Haji Razali
Jawatankuasa : Encik Abd Latif bin Zainal
Jawatankuasa : Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain

**SENARAI
PERWAKILAN
TAHUN 2023 / 2024**

SENARAI PERWAKILAN TAHUN 2024

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ZON
1	17163	Tuan Haji Zulhain bin Baharin	ZON 1
2	19195	Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli	ZON 1
3	17089	Encik Ibrahim bin Hasan	ZON 1
4	21626	Encik Mohd Zakuan bin Mohd Yusof	ZON 1
5	21641	Encik Mohd Ayaz bin Ibrahim	ZON 1
6	19438	Puan Hajah Norijah binti Abdul Rahman	ZON 1
7	17191	Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif	ZON 2
8	19606	Tuan Haji Maradzi bin Ismail	ZON 2
9	19714	Zulkiflee bin Haji Arop	ZON 2
10	18400	Tuan Haji Anuar bin Kasim	ZON 2
11	21281	YM Tengku Hasan bin Tengku Adzim	ZON 2
12	12417	Tuan Haji Abidin bin Samah	ZON 2
13	21497	Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Razali	ZON 2
14	21596	Encik Muhammad Amir bin Abdullah	ZON 2
15	18444	Puan Norbaiti binti Haji Alias	ZON 2
16	21492	Puan Ruzyanah binti Mohd Yasin	ZON 2
17	20574	Puan Siti Zelaha binti Mohammad	ZON 2
18	19347	Puan Hajah Hamidah Binti Hj. Mohd Arif	ZON 2
19	21461	Encik Abd Latif Bin Zainal	ZON 2
20	17226	Encik Mohd Sofe Bin Ibrahim	ZON 2
21	21463	Encik Mohd Yusri bin Mohd Za'ali	ZON 2
22	16524	Prof Dr Mohd Ali bin Jaamat	ZON 2
23	18204	Puan Rusmawati binti Hazali	ZON 2

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

4. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disediakan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

- (a) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".
- (b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. Tertib Bercakap

- (a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.
- (b) Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- (c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –
 - (i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau
 - (ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga (3) minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua (2) minit**.

12. Isi-isi Ucapan

- (a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- (b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.

- (c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.
- (e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- (f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —
 - (i) perkatan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - (ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan
 - (iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.
- (g) Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (Motion)

- (a) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.
- (b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- (c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.
- (d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

- (e) Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- (a) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- (b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. Hak Menjawab

- (a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.
- (b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. Pengundian

- (a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.
- (b) Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

20. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa mesyuarat sedang berjalan —

- (i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
- (ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;

- (iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku- buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan
- (iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- (a) Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.
- (c) Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara- perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.
- (d) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- (e) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- (f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.
- (g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.
- (h) Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.
- (i) Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat
2. Melantik Satu Jawatankuasa yang terdiri daripada 6 perwakilan dan 4 orang Anggota Lembaga untuk menentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-98
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke-97 pada 04 November 2024. (m.s 15-23)
4. Menimbang Laporan Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (m.s 24-41)
5. Menimbang dan Meluluskan Akaun Teraudit berakhir pada **31 Disember 2023** Dan pembahagian Keuntungan Bersih Teraudit. (Seperti Lampiran)
6. Melantik empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk memenuhi kekosongan kerana tamat tempoh perkhidmatan mengikut giliran di bawah Undang-undang Kecil 37 (1) iaitu Lembaga Koperasi yang tamat tempohnya dan mereka ini boleh dilantik semula seperti berikut:-

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA
(i)	Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif	17191
(ii)	Ustaz Muhammad Amir bin Abdullah	21596
(iii)	Tuan Haji Fauzi bin Haji Razali	21497
(iv)	Puan Hajah Hamidah binti Mohd Arif	19347

7. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan Koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya.(Seperti Lampiran)
8. Meluluskan elaun kepada Lembaga dan Jawatankuasa Juruaudit Dalaman. (Seperti Lampiran).

9. Meluluskan satu Panel firma Juruaudit untuk mengaudit akaun - akaun koperasi. Cadangan Anggota Lembaga Koperasi ialah :-
- i. Tetuan Mustapha, Khoo & Co
1st Floor, No. 24, Jalan Campbell
70000 Seremban
Negeri Sembilan
 - ii. Tetuan Adzli & Co
No. 24-25, Tingkat 1, Oakland Commercial Square
70300 Seremban
Negeri Sembilan
 - iii. Tetuan Ali Yusof & Co
No. 115-2, Jalan Toman 6
Kemayan Square
70200 Seremban
Negeri Sembilan.
 - iv. A. Razak & Co
B3-08 Block B, Plaza Dwitasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur
10. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan koperasi sehingga RM 10 Juta (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta) dari wang berlebihan koperasi mengikut seksyen 54 Akta
11. Menetapkan had keterhutangan koperasi sebanyak RM30 Juta (Ringgit Malaysia :Tiga Puluh Juta Sahaja.)
12. Mendengar, menimbang atau meluluskan apa-apa usul dari Anggota dan Lembaga melalui Perwakilan yang diterima tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung. (Lampiran)

AGENDA 1

MELANTIK PENERUS MESYUARAT

AGENDA 2

**MELANTIK SATU
JAWATANKUASA YANG
TERDIRI DARIPADA 6
PERWAKILAN UNTUK
MENENTU SAH MINIT
MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN**

AGENDA 3

**MENGESAHKAN MINIT
MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN YANG LALU**

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE – 97
KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)**

TARIKH : 04 NOVEMBER 2023 (SABTU)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT KOMBEK NS
KEHADIRAN : 25/27 ANGGOTA PERWAKILAN

AGENDA 1 MELANTIK Pengerusi Mesyuarat

1.1 Melantik Pengerusi Mesyuarat

Tuan Haji Maradzi bin Ismail (19606) Setiausaha Koperasi memaklumkan jumlah kehadiran adalah seramai 25 orang dan bilangan ini memenuhi kehendak korum mesyuarat.

Beliau memaklumkan mengikut Undang-undang Kecil 33 (1), Pengerusi mesyuarat hendaklah dipilih dari kalangan anggota perwakilan. Oleh itu, beliau membuka pencalonan kepada anggota-anggota untuk memilih Pengerusi Mesyuarat.

Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932) mencadangkan Pengerusi mesyuarat adalah Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191)

Atas Cadangan: Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932) Disokong oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

Mesyuarat sebulat suara melantik Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-97.

AGENDA 2 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA 6 PERWAKILAN DAN 4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTU SAH MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-97

2.1 Mesyuarat telah melantik enam (6) orang anggota perwakilan sebagai Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat. Senarai nama Jawatankuasa adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA CALON	PENCADANG	PENYOKONG
1	Encik Abd Latif bin Zainal (21461)	Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)	Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932)
2	Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)	Encik Abd Latif bin Zainal (21461)	Puan Rusmawati binti Hazali (18204)
3	Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932)	Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir (18943)	Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
4	Puan Rusmawati binti Hazali (18204)	Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932)	Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)
5	Encik Muhamad Baddri bin Ahmad (17899)	Encik Abd Latif bin Zainal (21461)	Encik Mohd Taufik bin Hasan (20836)
6	Encik Mohd Taufik bin Hasan (20836)	Puan Rusmawati binti Hazali (18204)	Encik Muhammad Baddri bin Ahmad (17899)

Mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik enam (6) orang anggota perwakilan sebagai Jawatankuasa Menentu Sah Minit dan 4 orang daripada kalangan ALK akan ditentukan oleh Mesyuarat Anggota Lembaga.

AGENDA 3

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KALI KE – 96 BERTARIKH 26 JUN 2022 (AHAD)

- 3.1 Tuan Haji Mohd Shah bin L.Latif (17191) selaku Pengerusi membentangkan minit mesyuarat dari muka surat 18 hingga 37.

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96 disahkan.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

Disokong oleh : Encik Mohd Yusri bin Za'ali (21463)

AGENDA 4

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA KOPERASI DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN PANDANGAN SURUHANJAYA MENGENAI AKAUN-AKAUN BERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

- 4.1 Tuan Haji Mohd Shah selaku Pengerusi (17191) membentangkan Laporan Lembaga dari muka surat 38 hingga 55.
- 4.2 Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932) meminta pihak pengurusan melakukan tindakan susulan bagi memudahkan urusan kecairan saham siar harga ini.

- 4.3 Dr. Cik Siti Norafidah binti Mohd Ramli (21363) memberi pandangan agar Anggota Lembaga Koperasi melakukan pemasaran dan mencari anggota baru kepada golongan muda memandangkan statistik keanggotaan seperti dipaparan menunjukkan jumlah anggota berumur 51-59 tahun lebih ramai yang dijangka bersara.
- 4.4 Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir (18943) menyarankan Anggota Lembaga membuat kajian dan melakukan tindakan sewajarnya untuk menarik anggota baru.
- 4.5 Pengerusi mesyuarat memohon kepada Pengurus Koperasi untuk membentangkan Program Kemakmuran Bersama seperti di muka surat 42 (Laporan Lembaga).
- 4.6 Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim (17226) ingin mengetahui status pemilikan tanah di sebelah ladang sawit koperasi di Serting Ulu.
- 4.7 Pengurus Koperasi menjelaskan bahawa status tanah yang berkeluasan anggaran 5 ekar yang dipohon adalah masih dalam semakan Pejabat Tanah Daerah Jempol.

Mesyuarat bersetuju menerima laporan tersebut dimuka surat 38 hingga 55.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

Disokong oleh : Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli (19195)

4.8 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 4.8.1 Tuan Haji Zulhain bin Baharin (17163) selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman seperti di lampiran.

Mesyuarat bersetuju menerima laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

Dicadang oleh : Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir (18943)

Disokong oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

AGENDA 5

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT PADA 31 DISEMBER 2022 DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSIH TERAUDIT

- 5.1 Encik Zulkiflee bin Arop (19714) selaku Bendahari memaklumkan akaun yang dibentangkan ini masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun ia masih boleh di bincangkan. Untuk makluman, akaun-akaun koperasi ini telah di audit oleh Firma Juruaudit Adzli & Co.

- 5.2 Bendahari berpandangan penyata kewangan ini masih dalam peringkat deraf dan belum dimuktamadkan bersama-sama dengan Firma Juruaudit.
- 5.3 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) mempertikaikan laporan akaun teraudit baru diterima semasa hari mesyuarat dan didapati tiada tandatangan dari Firma Juruaudit Luar.
- 5.4 Bendahari menjelaskan penyata kewangan yang dibentangkan ini adalah masih belum muktamad dan beliau memperakui ada kelemahan daripada juruaudit sebagaimana tuan/puan lihat pihak juruaudit turut tidak hadir pada hari ini.
- 5.5 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) juga meminta penjelasan berkenaan perbelanjaan sewaan bangunan MAINS Teluk Kemang yang tinggi berjumlah RM84,167.00.
- 5.6 Bendahari menjelaskan jumlah tersebut merupakan perbelanjaan tertanggung atas faktor penangguhan bayaran semasa tempoh PKP yang lalu. Bagaimanapun bayaran tersebut telah diselesaikan.
- 5.7 Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932) berpendapat penyata kewangan ini tidak boleh diterima untuk pengesahan pada mesyuarat kali ini.
- 5.8 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) juga bersetuju dengan pendapat Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932), pembentangan penyata kewangan pada mesyuarat kali ini tidak boleh diterima. Beliau mencadangkan laporan kewangan tahun 2022 dibawa ke Mesyuarat Agung akan datang.

Laporan Akaun Teraudit dan Pembahagian Keuntungan Bersih Teraudit tidak diterima dan tidak boleh disahkan. Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menolak laporan ini dan dibentangkan pada Mesyuarat Agung akan datang.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

Disokong oleh : Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli (19195)

AGENDA 6

MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

- 6.1 Melantik empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk memenuhi kekosongan kerana tamat tempoh perkhidmatan mengikut giliran di bawah Undang-undang Kecil 37 (1). Berikut adalah senarai calon :-

Bil	Nama	No. Anggota
1.	Encik Zulkiflee bin Arop	19714
2.	Tuan Haji Anuar bin Kasim	18400
3.	YM Tengku Hassan bin Tengku Adzim	21281
4.	Puan Ruzyanah binti Mohd Yasin	21492

Merujuk UUK 37 (5) Anggota Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang. Pengisian jawatan anggota lembaga hendaklah diisi dengan merujuk kepada UUK 36 (1) dan UUK 35.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik semula Anggota Lembaga seperti dibawah berikut;

Bil	Nama	No. Anggota
1.	Encik Zulkiflee bin Arop	19714
2.	Tuan Haji Anuar bin Kasim	18400
3.	YM Tengku Hassan bin Tengku Adzim	21281
4.	Puan Ruzyanah binti Mohd Yasin	21492

Dicadang oleh : Tuan Haji Anuar bin Mohd Zain (20932)
 Disokong oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

AGENDA 7

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BERIKUTNYA

7.1 Bendahari membentangkan Belanjawan Tahunan Koperasi bagi tahun 2024 seperti dilampiran.

Mesyuarat meluluskan belanjawan tahunan 2024 seperti di lampiran.

Dicadang oleh :Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
 Disokong oleh :Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)

AGENDA 8

MELULUSKAN ELAUN KEPADA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Bendahari membentangkan cadangan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman seperti dilampiran.

Mesyuarat meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
 Disokong oleh : Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)

AGENDA 9

MELULUSKAN SATU PANEL FIRMA JURUAUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI.

- i. Tetuan Adzli & Co
24-25, 1st Floor
Lorong Haruan Commerce Square
70300 Seremban
Negeri Sembilan.
- ii. Tetuan Ali Yusof & Co
No. 115-2, Jalan Toman 6, Kemayan Square
70200 Seremban
Negeri Sembilan.
- iii. Mustapha, Khoo & Co
No.24, Jalan Campbell,
70000 Seremban
Negeri Sembilan.

